

0568

B B176 AAB
PERTEMUAN-MAHATHIR R' R' R'

KUALA LUMPUR, 12 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PEMIMPIN SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH HARI INI BERKATA, MASALAH PERPADUAN MELAYU DAPAT DISELESAIKAN MENJELANG ATAU SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM NANTI.

KATANYA, MASALAH PERPECAHAN ORANG MELAYU PERNAH TERJADI PADA ZAMAN DATUK ONN JAAFAR APABILA BELIAU MENCADANGKAN AGAR UMNO DIBUKA KEPADA BANGSA LAIN.

CADANGAN ITU TIDAK MENDAPAT SOKONGAN DAN MASALAH TERSEBUT BERAKHIR DALAM PILIHAN RAYA APABILA PARTI NEGARA PIMPINAN DATUK ONN YANG MENINGGALKAN UMNO GAGAL MENDAPAT SOKONGAN RAMAI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN ENGGAN MERAMALKAN KEADAAN ITU TETAPI BERKATA: +IA (MASALAH PERPADUAN MELAYU SEKARANG) MUNGKIN BOLEH DISELESAIKAN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM NANTI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM ARENA POLITIK KEADAAN SEPERTI ITU ADALAH PERKARA BIASA DAN +KITA PERLU MENJANGKA PERKARA SEPERTI ITU AKAN BERLAKU DAN MESTI BERSEDIA MENGHADAPINYA.+

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUANNYA SELAMA 45 MINIT DENGAN TENGGU RAZALEIGH DI PEJABAT PERDANA MENTERI DI BANGUNAN PARLIMEN. -- LAGI
1909MST 12 12 89

0570

B 8177 AAB
PERTEMUAN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R' R' R'

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN PERJUMPAAN ITU SEBAGAI BERGUNA DALAM USAHA MEMPERLUASKAN PERPADUAN ORANG MELAYU.

KATANYA, PERPADUAN ORANG MELAYU MEMANG SUDAH WUJUD DI NEGARA INI DENGAN MAJORITINYA DIPELOPORI OLEH UMNO TETAPI +KITA MAHU MEMPERLUASKANNYA KEPADA ORANG LAIN JUGA.+

BELIAU BERKATA, PERTEMUAN ITU JUGA BERHASIL KERANA BELIAU DAPAT BERJUMPA SECARA TERANG-TERANGAN DENGAN TENGGU RAZALEIGH DAN DAPAT MENGETAHUI PENDIRIANNYA BERHUBUNG PERPADUAN ORANG MELAYU.

+SEBELUM INI SAYA CUMA MENGETAHUI TENTANG BELIAU DAN PENDIRIANNYA MELALUI AKHBAR DAN BEGITU JUGA SEBALIKNYA TETAPI KINI SAYA DAPAT MENDENGARNYA DENGAN JELAS DARIPADA BELIAU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, BELIAU BERSEDIA UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN SETERUSNYA JIKA TENGGU RAZALEIGH MENCADANGKANNYA. -- LAGI
1913MST 12 12 89

D573

B B179 AAB

PERTEMUAN-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR R'R'R'

KATANYA, TENGGU RAZALEIGH BERKATA PARLIMEN BOLEH MENGGUNAKAN KUASANYA UNTUK MENGHIDUPKAN UMNO LAMA DAN MENGUBAH KEPUTUSAN MAHKAMAH YANG TELAH MENGHARAMKAN PARTI ITU TAHUN LEPAS.

+SAYA PULA BERPENDAPAT PARLIMEN TIDAK BERHAK MEMBATALKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DAN KITA MESTI PATUH KEPADA KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUATNYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA, SESUATU UNDANG-UNDANG ITU BOLEH DIPINDA SEBELUM MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN DAN APABILA MAHKAMAH TELAH MEMBUAT ATAU MENETAPKAN KEPUTUSAN,+KITA TIDAK BOLEH MEMBUAT SEBALIKNYA+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT JIKA PARLIMEN BOLEH MENGUBAH KEPUTUSAN MAHKAMAH, PARLIMEN AKAN MENJADI +MAHKAMAH RAYUAN TERAKHIR+ DAN DALAM KES INI, IA MELIBATKAN PARTI YANG TERLIBAT DENGAN KERAJAAN.

+JIKA KERAJAAN MENGGUNAKAN KUASA MAJORITI UNTUK MEMIHAK KEPADANYA, SAYA FIKIR KITA TIDAK BERTINDAK DENGAN ADIL DAN APA AKAN TERJADI JIKA KEPUTUSAN MAHKAMAH MEMIHAK KEPADA PARTI PEMBANGKANG DAN KITA BOLEH MEMBAWANYA KE PARLIMEN UNTUK MENGUBAH KEPUTUSAN ITU,+

KATANYA. -- LAGI

1918MST 12 12 09

D574

B B180 A A B

PERTEMUAN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

+INI TIDAK ADIL DAN KITA TELAH BERAT SEBELAH TERHADAP PIHAK PEMBANGKANG DAN OLEH ITU KITA TIDAK BOLEH GUNA PARLIMEN BAGI TUJUAN ITU,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAMBIL CONTOH KES PETRONAS APABILA BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD (BBMB) DIPINDAH MILIK KEPADA PERBADANAN ITU SEMASA MENGHADAPI HASALAH TIDAK LAMA DAHULU DAN DAPATI ARTIKEL DALAM PENUBUHAN PETRONAS TIDAK MEMBENARKANNYA TERLIBAT DENGAN KEGIATAN DI LUAR DARIPADA INDUSTRI PETROLEUM.

+KITA TELAH BUAT PERUNTUKAN UNTUK TUJUAN ITU SEBELUM MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN DAN JIKA MAHKAMAH TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN, KITA TIDAK BERPUAYA UNTUK MENGUBAHNYA,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA, HASIL PERBINCANGANNYA DENGAN TENGGU RAZALEIGH AKAN DIBAWA KEPADA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO AKAN DATANG UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA. -- BERNAMA

1920MST 12 12 89